

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2015/2016

Disember 2015 / Januari 2016

**HIT 512 – ANALISIS KRITIS MATAN HADITH**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA soalan. Jika calon menjawab lebih daripada TIGA soalan hanya TIGA soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

1. Jawab [a] dan [b].

[a] Kajian sanad adalah antara ilmu dalam analisis kritis sesebuah hadith. Bincangkan TIGA riwayat yang sahih sanadnya tetapi dikritik matannya oleh para penganalisis hadith.

[60 markah]

[b] Kekeliruan memahami matan boleh memberi kesan pada *istidlal* daripada sesebuah hadith. Bahaskan secara kritis kekeliruan memahami matan disebabkan *al-Riwayat bi al-Ma'na*.

[40 markah]

2. Jawab [a] dan [b].

[a] Riwayat Israiliyat dianggap hadith disebabkan oleh *wahm* dalam periwayatan. Bincangkan DUA contoh riwayat Israiliyat yang disangka hadith.

[40 markah]

[b] Menilai kesahihan matan hadis dengan riwayat hadith yang lain merupakan salah satu kaedah yang digunapakai oleh para Sahabat Nabi SAW. Bincangkan TIGA kritikan matan hadis oleh TIGA Sahabat dengan menggunakan hadith yang lain tersebut.

[60 markah]

3. Jawab [a] dan [b].

[a] Dalam *al-Manar al-Munif*, Ibn Qayyim al-Jauziyyah menyebut banyak kesimpulan dalam pengecaman hadith-hadith palsu. Bincangkan EMPAT kesimpulan pengecaman tersebut secara kritis.

[80 markah]

[b] Bincangkan kedudukan *Naqd al-Matn* dalam takrif hadith sahih.

[20 markah]

4. Jawab [a] dan [b].

[a] *Ikhtisar* adalah perbuatan meringkas atau memendekkan. Bahaskan kesan-kesan *ikhtisar* yang dilakukan ke atas matan sesebuah hadith serta hukum-hakamnya.

[80 markah]

[b] Bincangkan satu contoh kekeliruan matan disebabkan oleh *al-Idraj*.

[20 markah]

5. Jawab [a] dan [b].

[a] Ilmu *Sabab al-Wurud* antara ilmu yang dapat mengatasi percanggahan matan. Bincangkan EMPAT latar dalam memahami hadith yang wajar diteliti oleh seseorang dalam menafsirkan matan hadith.

[80 markah]

[b] Kritikan ke atas sesebuah hadith adalah merupakan sebahagian daripada cara menganalisis kekuatan hadith. Bincangkan SATU contoh Aishah r.ha mengkritik hadith yang beliau anggap merendahkan wanita.

[20 markah]